


Newspaper	Berita Harian
Date	26/08/2012



Najib dan Muhyiddin hadir pada majlis rumah terbuka Abdullah di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Najib sudah lakukan terbaik: Abdullah

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak sudah melakukan yang terbaik dalam mentadbir negara dan kini terpulang kepada rakyat untuk menilai pencapaian beliau, kata Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, sebagai Perdana Menteri, Najib begitu komited menjalankan tugasnya dan

sentiasa bekerja keras bagi memenuhi kehendak rakyat melalui pelbagai dasar transformasi.

Komited bekerja keras

"Rakyat sudah mendengar dan melihat beliau bekerja keras, mengumumkan dasarnya serta komited untuk bekerja keras. Ini sangat baik.

"Kita harap rakyat menyukai beliau. Kita tidak tahu apa interpretasi rakyat dan apa yang kita boleh lakukan adalah bekerja keras," katanya pada majlis rumah terbukanya di sini, semalam.

PM, TPM turut hadir

Majlis yang bermula jam 10 pagi turut dihadiri Najib dan

Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar.

Turut hadir Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaffar dan Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan.